

## Respons Pemikir Islam Terhadap ‘Etika Global’ Hans Küng Response of Some Muslim Thinkers on ‘Global Ethics’ of Hans Küng

NAJIHAH AHMAD  
WAN FARIZA ALYATI WAN ZAKARIA

### ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai respons beberapa pemikir Islam terhadap ‘Etika Global’ Hans Küng. ‘Etika Global’ merupakan satu perbahasan mengenai hak asasi manusia dalam ruang lingkup teologi, politik dan ekonomi global. Permasalahan kajian menunjukkan bahawa pencabulan hak asasi manusia dalam kalangan umat Islam semakin membimbangkan, namun usaha perdamaian boleh disifatkan masih gagal. ‘Etika Global’ diperkenalkan oleh Küng bertujuan menangani konflik seumpama ini, namun dari perspektif Islam, gagasan ‘Etika Global’ ini telah menimbulkan reaksi yang pelbagai disebabkan faktor ia digagaskan oleh orang Barat yang beragama Kristian. Justeru, tujuan kajian ini adalah untuk menilai gagasan ‘Etika Global’ ini dari perspektif Islam menerusi analisa terhadap respons para pemikir Islam sendiri. Bagi mencapai tujuan ini, pengkaji telah menggunakan metode kajian kualitatif menerusi proses pengumpulan, penelitian, penganalisisan dan pensintesisan data-data yang berkait secara langsung dengan perbahasan ‘Etika Global’ menurut Küng dan para pemikir Islam serta karya-karya yang membahaskannya secara tidak langsung. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat tiga bentuk respons pemikir Islam iaitu pertama, penolakan secara mutlak ekoran faktor prejedis terhadap agama-agama lain dan absolutisme dalam agama (eksklusivisme); kedua, penerimaan secara mutlak ekoran faktor persamaan dalam keragaman (pluralisme agama); dan ketiga, penerimaan secara bersyarat disebabkan faktor terdapat nilai kebergunaannya kepada Islam dan perbahasan ini memfokuskan kerangka hak asasi manusia bukannya teologi (inklusivisme). Kajian ini berupaya memberikan sumbangan dalam mewujudkan kefahaman yang jelas mengenai keperluan dan signifikan ‘Etika Global’ dan seterusnya menggesa agar masyarakat dunia umumnya dan umat Islam khususnya untuk menilai suatu gagasan baru secara lebih terbuka tanpa sifat penghukuman terlalu awal.

Kata Kunci: Respons, pemikiran Islam, hak asasi manusia, etika global, Hans Küng

### ABSTRACT

This study discusses the response of some Muslim thinkers on ‘Global Ethics’ of Hans Küng. This ‘Global Ethics’ is a discussion on human rights within the sphere of theology, politics and global economy as well. The research problem shows that the acts of violation on human rights among Muslim communities are more serious concern, and the efforts to settle them down are still failure. This Global Ethics was introduced by Hans Küng and was designed purposely to deal with such conflicts, but from an Islamic perspective, the idea has caused a various reaction because it has been founded by a Western Christian person. Hence, the purpose of this study is to evaluate this idea from the Islamic perspective through the analysis of the responses of Muslim thinkers. To achieve this goal, the qualitative research method has been used via the process of gathering, studying, analysing and synthesising the data which directly related to the idea of ‘Global Ethics’ according to Hans Küng and Muslim thinkers. The result of the research shows that there are three types of responses of Muslim scholars, firstly, the absolute rejection due to prejudice against other religions and absolutism in religion (exclusivism); secondly, the absolute acceptance based on equality in diversity (religious pluralism); and thirdly, a conditional acceptance due to the existing of usefulness value to Islam and this debate focusing on more human rights framework rather than theology (inclusivism). This study is able to contribute a clear understanding of the needs ‘Global Ethics’ and further to urge the world community in general and Muslims in particular to assess openly a new idea without the action of rejection too early.

Keywords: Respond, Islamic thoughts, human rights, global ethics, Hans Küng

### PENGENALAN

Krisis pencabulan hak asasi di negara-negara Islam akhir-akhir ini kelihatan semakin meruncing. Banyak negara Islam yang dilihat menjadi mangsa kepada

dasar kolonialisme Barat menerusi rampasan kuasa, tanah air, bahkan pengeksploitasi sumber alam seperti minyak secara zalim. Menurut Hans Küng, antara faktor yang menyebabkan krisis hak asasi ini berterusan adalah wujudnya konflik di antara agama

ekoran wujudnya persepsi negatif, salah faham dan prejudis di antara satu sama lain. Justeru, kata sepakat dan kerjasama di antara umat beragama sukar untuk direalisasikan. Menyedari kemelut yang tidak pernah lenyap ini, Hans Küng hadir merintis satu pendekatan baru iaitu ‘Etika Global’ yang bertujuan mewujudkan kefahaman, toleransi dan kerjasama di kalangan penganut yang berbeza agama. Meskipun begitu, gagasan pemikiran beliau ini mendapat pelbagai respons dalam masyarakat Islam khususnya di kalangan pemikir Islam. Perkara ini merupakan suatu kelaziman yang berlaku dalam arena perbahasan epistemologi Islam, lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan suatu alternatif yang jelas digagaskan oleh orang Barat yang beragama Kristian. Walau bagaimanapun, berdasarkan keperluannya kepada realiti ini, gagasan ini perlu dinilai kembali berdasarkan perspektif Islam secara telus dan tanpa prejudis.

### KONSEP ‘ETIKA GLOBAL’ HANS KÜNG

Dalam memahami konsep ‘Etika Global’ yang sebenar, persoalan utama yang akan diutarakan adalah, ‘apakah yang dimaksudkan dengan ‘Etika Global’?’ Dari sudut etimologi, perkataan ‘etika’ adalah berasal daripada perkataan Yunani iaitu ‘*ethos*’ yang bermaksud karakter ataupun sikap. Sementara itu, menurut *A Comprehensive Etymological Dictionary of the English Language* (Klean 1966: 546), perkataan ‘etika’ membawa maksud seni moral (*moral art*). Menerusi *Kamus Dewan* (1994: 345) pula, ‘etika’ membawa beberapa pengertian iaitu, pertama, ilmu bukan prinsip-prinsip akhlak atau moral; kedua, prinsip moral (atau akhlak) atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan (persatuan, pekerjaan dan lain-lain). Manakala perkataan ‘beretika’ bermakna mempunyai atau berpegang kepada etika, berakhlik dan bermoral. Dari sudut istilah, etika boleh didefinisikan sebagai suatu kajian yang bersifat falsafah terhadap moral (Ahmad Sunawari Long 2006: 144).

Sementara itu, terminologi ‘global’ dalam *Kamus Dewan* (1994: 408) pula merujuk kepada dua maksud iaitu, pertama, meliputi, mempengaruhi atau mengenai seluruh dunia atau sangat; dan kedua, merangkumi seluruh kumpulan perkara dan sebagainya atau menyeluruh. Justeru, berdasarkan pentakrifan-pentakrifan ini, ‘Etika Global’ boleh didefinisikan sebagai satu himpunan atau kod prinsip-prinsip moral yang menjadi pegangan sebuah kumpulan atau individu dalam konteks dunia secara

keseluruhannya. Hal ini hampir bertepatan dengan pentafsiran Küng sendiri yang mendefinisikan ‘Etika Global’ sebagai suatu bentuk persetujuan atas ke atas nilai-nilai yang mengikat, kriteria-kriteria yang tidak boleh diubah dan sikap asas yang mestilah ada pada setiap individu (Küng 1997: 105).

Matlamat ‘Etika Global’ adalah untuk memperkenalkan kewujudan agama-agama di timur dan barat, utara dan selatan serta perbezaan-perbezaan di antaranya agar wujud perasaan hormat-menghormati dan penerimaan terhadap perbezaan ini. Menerusi pengenalan ini, setiap penganut agama akan dapat mengenal pasti persamaan dan perbezaan di antara mereka serta mereka juga dapat mengetahui aspek yang berupaya mewujudkan salah faham dan perselisihan (Küng 1995: 2).

Dalam pada itu, ‘Etika Global’ sebenarnya didirikan menerusi empat prinsip asas iaitu, pertama, tiada peraturan global baru tanpa etika global yang baru; kedua, tuntutan asas: setiap manusia mesti diperlakukan sebagai manusia; ketiga, empat peraturan kekal; dan keempat, transformasi kesedaran. Penjelasan mengenai prinsip-prinsip asas ini dapat difahami sebagaimana berikut:

#### PRINSIP PERTAMA: TIADA PERATURAN GLOBAL BARU TANPA ETIKA GLOBAL YANG BARU

Berdasarkan prinsip pertama ini, Küng (1995: 13) sebenarnya mengkritik keadaan yang seringkali menggagalkan kerjasama di peringkat global seperti pengaruh etnik, sentimen kebangsaan, faktor tekanan dan prejudis dalam lapangan agama, ekonomi serta politik. Küng berpendapat bahawa dunia hari ini memerlukan kerjasama yang erat di antara setiap masyarakat di seluruh dunia memandangkan krisis yang melibatkan hubungan di antara penganut beragama tidak pernah berlarutan, bahkan ia kemudiannya mencetuskan permasalahan yang lebih besar menerusi pencabulan hak asasi manusia dan kemasuhan ekosistem manusia.

Küng (1995: 14) menegaskan bahawa keadaan ini tidak mungkin akan terhapus tanpa wujudnya satu order global yang baru. Küng berpendapat bahawa perlunya satu elemen yang bersifat *neutral* dan berupaya menjadi dasar yang boleh diterima oleh setiap masyarakat yang berbeza latar belakang agama dan budaya. Küng kemudiannya menyimpulkan bahawa ‘etika’ merupakan elemen yang paling relevan dalam menangani kemelut ini. Justeru, beliau menyimpulkan bahawa order baru dunia tidak mungkin wujud tanpa adanya etika global yang baru.

**PRINSIP KEDUA: TUNTUTAN ASAS:  
SETIAP MANUSIA MESTI DIPERLAKUKAN  
SEBAGAI MANUSIA**

Menerusi bahagian ini pula, Küng (1997: 97) menyifatkan bahawa elemen perasaan kemanusiaan merupakan tuntutan asas yang amat dititikberatkan dalam 'Etika Global.' Prinsip ini juga digelar oleh Küng sebagai '*The Golden Rules*' yang mengandungi seruan tindakan kemanusiaan yang bersifat timbal balik, iaitu 'jangan lakukan sesuatu perkara kepada orang lain, perkara yang tidak orang lain lakukan ke atasmu.' Berdasarkan prinsip ini, setiap manusia seharusnya tidak dibeza-bezakan berdasarkan usia, jantina, bangsa, warna kulit, keupayaan fizikal, kekuatan mental mahupun agama. Hal inilah yang menjadi matlamat 'Etika Global' yang sebenarnya. Secara umumnya, Küng mendapati bahawa etika timbal balik ini sememangnya terdapat dalam kebanyakan agama dan tradisi etika. Justeru, Küng menyifatkan asas ini sebagai pasak dalam 'Etika Global' kerana ia berupaya membentuk perasaan saling bertanggungjawab di antara manusia (Küng 1995: 16-17).

**PRINSIP KETIGA: EMPAT PERATURAN KEKAL**

Prinsip 'Etika Global' yang ketiga ini mengandungi empat jenis arahan atau peraturan yang tidak boleh dibatalkan atau diubah oleh mana-mana pihak. Keempat-empat peraturan tersebut merangkumi; pertama, komitmen terhadap budaya tanpa kekerasan dan penghormatan terhadap kehidupan; kedua, komitmen terhadap budaya perpaduan dan peraturan ekonomi yang adil; ketiga, komitmen terhadap budaya bertoleransi dan kehidupan yang benar; dan keempat, komitmen ke arah budaya hak-hak kesamarataan dan hubungan di antara lelaki dan wanita. Menurut Küng, keempat-empat peraturan kekal ini mengandungi ruh '*The Golden Rule*' yang menekankan elemen hak asasi manusia dan hukuman timbal balik terhadap mana-mana perbuatan manusia terhadap manusia lain (Küng 1995: 17-24).

**PRINSIP KEEMPAT:  
TRANSFORMASI KESEDARAN**

Menurut Küng, permasalahan dunia pada masa kini adalah rentetan daripada permasalahan silam yang tidak pernah selesai. Küng kemudiannya menyimpulkan faktor kelemahan ini disebabkan tidak wujud kesedaran yang sebenar dalam kalangan

masyarakat dalam mengatasi segala bentuk masalah dunia. Justeru, tindakan perlulah diambil dengan cara melakukan transformasi ke atas kesedaran manusia itu sendiri. Küng menegaskan bahawa kesedaran ini perlu digabungjalinkan dengan perasaan bertanggungjawab kerana hanya menerusi perasaan bertanggungjawab, pelaksanaan kod etika dapat direalisasikan sepenuhnya (Küng 1995: 25-26).

Kesimpulannya, keempat-empat prinsip 'Etika Global' ini menunjukkan kepentingan etika sebagai alternatif yang sangat relevan bagi menggantikan peraturan-peraturan agama yang bersifat rigid dan dogmatik. Gagasan 'Etika Global' ini secara jelas mengandungi ruh keagamaan yang tinggi dan sekaligus menunjukkan bahawa kepincangan dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia yang sebelumnya, iaitu semasa Revolusi Perancis 1789, jelas didasari fahaman sekularisme.

**RESPONS PEMIKIR ISLAM TERHADAP  
'ETIKA GLOBAL'**

Secara umumnya, gagasan 'Etika Global' boleh dianggap sebagai suatu pendekatan yang hadir tepat pada masanya di saat Islam sedang mengalami krisis hak asasi manusia yang membimbangkan di peringkat global. Meskipun hasrat Küng ini boleh disifatkan sebagai murni, namun gagasan ini mendapat respons yang pelbagai khususnya di kalangan pemikir Islam. Oleh yang demikian, tulisan ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis bentuk-bentuk respons ini secara mendalam dan tanpa prejudis.

Secara umumnya, terdapat tiga bentuk respons terhadap 'Etika Global' di kalangan pemikir Islam ini iaitu pertama, penolakan secara mutlak; kedua, penerimaan secara mutlak; dan ketiga, penerimaan secara bersyarat. Bentuk-bentuk respons ini menyebabkan ketiga-tiga golongan pemikir Islam ini dilabelkan sebagai golongan eksklusivis, pluralis dan inklusivis dalam agama. Klasifikasi ciri-ciri ini dapat dikenal pasti menerusi tulisan Fatimah Husein yang berjudul, '*Muslim – Christian Relations in the New Order Indonesia: The Exclusivist and Inclusivist Muslim's Perspectives*.' Walau bagaimanapun, beliau lebih memfokuskan kepada dua golongan pemikir Islam, iaitu eksklusivisme dan inklusivisme dalam agama (Fatimah Hussein 2009: 29-31). Penjelasan mengenai bentuk respons para pemikir Islam dan hujah-hujah mereka adalah seperti berikut:

### RESPONS PENOLAKAN SECARA MUTLAK (EKSKLUSIVISME)

Menerusi respons pertama, antara pemikir Islam yang cenderung kepada prinsip penolakan mutlak terhadap gagasan ini adalah Adian Husaini yang mewakili respons pemikir di Nusantara dan Riffat Hassan yang mewakili respons pemikir global. Fatimah Hussein (2005: 29-30) telah mengklasifikasikan tiga ciri khusus golongan ini iaitu, pertama, dalam memahami al-Quran, golongan ini menggunakan pendekatan literal yang difahami sebagaimana yang dianjurkan oleh al-Quran dan al-Sunnah; kedua, golongan ini percaya bahawa penyelamatan dan kebenaran hanya boleh dicapai menerusi agama Islam sahaja atau dengan kata-kata lain, Islam merupakan agama terakhir yang datang untuk memperbetulkan agama-agama lain; dan ketiga, dari sudut perundangan negara, golongan ini berpendapat bahawa Islam dan pentadbiran negara adalah tidak boleh dipisahkan (*Islam din wa dawlah*).

Adian Husaini (2004: 3) menerusi tulisannya yang berjudul, '*Tinjauan Historis Konflik Yahudi Kristen Islam*', secara jelas menyatakan penolakannya terhadap 'Etika Global' kerana beranggapan bahawa gagasan ini sama seperti fahaman Pluralisme agama. Ekoran gagasan 'Etika Global' seolah-olah mencari titik persamaan di antara agama, beliau menyifatkan golongan ini sebagai tidak dapat menerima hakikat perbezaan dan keragaman yang wujud ini. Adian menegaskan bahawa perbezaan dan kepelbagaiannya yang wujud di muka bumi ini adalah suatu hakikat atau realiti. Faktor-faktor seperti keterbatasan akal manusia dan persekitaran adalah di antara punca pemikiran, kepercayaan dan pegangan agama seseorang itu berbeza-beza dan situasi ini adalah suatu yang semula jadi.

Adian (2004: 9) berpendapat bahawa golongan inklusivis dan pluralis adalah golongan yang tidak dapat menerima hakikat wujudnya perbezaan yang semulajadi ini. Berdasarkan konsep ketuhanan yang berbeza-beza di kalangan agama-agama yang wujud, maka bagaimana kesatuan itu boleh diwujudkan? Hal ini secara jelas menunjukkan kepincangan dalam pemikiran golongan ini. Perkara ini juga sudah pasti menimbulkan perasaan tidak berpuas hati di kalangan pengikut agama yang komited dengan agama masing-masing dan seterusnya berupaya membawa kepada konflik yang lebih besar.

Selain itu, Adian (2004: 11) mengkritik 'Deklarasi ke Arah Etika Global' yang berlangsung pada 28 Ogos 1993 di Chicago, Amerika Syarikat yang telah menghimpunkan hampir semua agama-agama dunia

termasuklah golongan *atheist*, *Neo-Pagan*, agama-agama asli dan agama baru untuk berbahas mengenai perkongsian nilai etika. Hakikatnya, tindakan ini hanya menjadikan standard agama kelihatan kabur. Situasi ini akan menjadi begitu ketara khususnya apabila membincangkan isu berkaitan Ketuhanan dan bagaimanakah respons yang bakal diutarakan oleh setiap agama dan golongan *atheist* yang jelas menolak kewujudan tuhan? Oleh yang demikian, beliau secara tegas menolak 'Etika Global.'

Sementara itu, Riffat Hassan turut menolak gagasan ini dengan mengatakan bahawa meskipun idea yang cuba dikembangkan oleh Küng ini kelihatan menarik, namun terdapat sedikit kepincangan. Beliau mengkritik draf 'Etika Global' yang dihasilkan oleh Leonard Swidler dan mendakwa bahawa pengaruh tradisi barat dan Kristian begitu dominan. Justeru, usaha Küng ini boleh diklasifikasikan sebagai cuba mendominasikan agama Kristian ke atas agama-agama lain. Pandangan beliau ini disokong oleh hujah John Hick berkenaan dominasi kebaratan dan tradisi Kristian dalam draf 'Etika Global':

The difficulty in offering a distinctively Christian comment on Leonard Swidler's draft is that it is already in an important sense a Christian document. For since the European Enlightenment of the eighteenth century Western Christianity has been increasingly suffused with the individualistic, democratic, liberal, historical-minded, science-oriented outlook of the Enlightenment, an outlook that constitutes what can comprehensively be called the ethos of modernity. Indeed Christianity, as a cultural influence, is identified in the minds of many Christians, particularly when they make comparisons with other religions, with these liberal ideas of modernity... (Hick 1997).

Menurut Hassan, meskipun terdapat sumbangan idea daripada sarjana-sarjana dari luar barat dan agama Kristian, namun hakikat atau fakta bahawa penerapan idea dan individu-individu utama yang menggagaskannya adalah berlatarbelakangkan tradisi barat dan Kristian. Justeru, Hassan menyifatkan bahawa kewujudan draf moden dari barat ini akan secara tidak langsung membawa keraguan apabila ia seolah-olah kelihatan seperti satu bentuk imperialisme budaya barat ke atas dunia keseluruhannya.

Dalam pada itu, Hassan (1997) turut mengkritik ahli teologi barat yang dilihat seringkali berhujah dengan mengatakan bahawa agama Islam adalah sebahagian daripada tiga agama Nabi Ibrahim selain Yahudi dan Kristian. Golongan ini seolah-olah cuba menyamaratakan kedudukan Agama Islam di samping agama-agama mereka. Menurut Hassan, perbuatan

mereka ini jelas bertentangan dengan tindakan mereka apabila secara terang-terangan, golongan ini tidak pernah sama sekali memahami, apatah lagi menerima Islam. Tambahan pula, pengkajian mengenai sejarah hubungan barat dan Islam bukanlah isu di sini, sebaliknya golongan ini sebenarnya dilihat berusaha sedaya upaya untuk mengukuhkan hujah-hujah mereka supaya kelihatan relevan.

Menurut Hassan (1997), secara umumnya gagasan 'Etika Global' dari perspektif Islam yang sebenar adalah ditolak. Perkara ini adalah disebabkan dari sudut sumber etika, sumber tradisi etika Barat adalah diambil daripada tradisi *Graeco-Roman*, manakala sumber etika atau akhlak Islam berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Tambahan pula, gagasan 'Etika Global' boleh disifatkan tidak relevan apabila Islam sendiri mempunyai etika globalnya yang tersendiri iaitu menerusi kerangka etika atau akhlak boleh disifatkan sangat komprehensif dan holistik. Justeru, atas sebab ini umat Islam tidak memerlukan sebarang bentuk etika global yang baru.

Walau bagaimanapun, Hassan (1997) mengakui bahawa usaha Küng, Swidler dan beberapa orang ahli teologi Kristian ini adalah sesuatu yang positif, namun perkara utama yang beliau dan rakan-rakan seperjuangannya perlu lakukan dalam menjayakan gagasan ini adalah memahami terlebih dahulu Islam dan agama-agama lain bukan sahaja secara luaran tetapi secara dalaman.

Secara keseluruhannya, hujah-hujah penolakan oleh Adian dan Hassan adalah dapat disimpulkan kepada dua bentuk utama iaitu, pertama, gagasan 'Etika Global' sama seperti pluralisme agama; dan kedua, terdapat tradisi barat dan Kristian yang begitu dominan dalam draf gagasan 'Etika Global' ini. Kedua-dua pemikir Islam ini dilihat begitu tegas dalam memelihara kesucian Islam dari anasir yang mungkin merosakkannya.

#### RESPONS PENERIMAAN SECARA MUTLAK (PLURALISME AGAMA)

Ideologi pluralisme dikatakan turut mengandungi elemen inklusif. Walau bagaimanapun, pandangan pluralisme dilihat lebih ekstrem kerana fahaman ini lebih menjurus kepada penerimaan dan keselarasan di antara agama secara mutlak atau dengan kata-kata lain, mereka melihat bahawa tidak wujud agama yang lebih tinggi berbanding agama-agama lain. Pada umumnya, perbahasan mengenai ideologi atau fahaman pluralisme dalam konteks perbahasan dunia Islam boleh dianggap sebagai topik yang sangat berkait rapat dengan perbahasan 'Etika Global,' bahkan dari

sisi negatif, 'Etika Global' seolah-olah difahami sebagai aliran pluralisme menurut sesetengah pemikir Islam sebagaimana Adian Husaini, disebabkan ciri-ciri dan matlamatnya yang bertujuan mewujudkan penghormatan terhadap perbezaan yang wujud di antara agama-agama dunia.

Dalam mengenal pasti pemikir Islam yang cenderung kepada aliran atau fahaman pluralisme ini, terdapat empat ciri-ciri khusus yang dapat menggambarkan golongan ini iaitu, pertama, mereka mengakui bahawa Tuhan Yang Esa itu boleh difahami dalam pelbagai bentuk tafsiran. Hal ini membawa maksud, Tuhan adalah satu, namun cara memahami Tuhan di kalangan penganut agama adalah berbeza-beza; kedua, tafsiran yang pelbagai mengenai Tuhan Yang Esa itu mestilah dianggap sebagai 'alat' atau 'jalan' menuju kepada Tuhan Yang Esa; ketiga, setiap penganut agama mengakui bahawa 'alat' atau 'jalan' menuju kepada Tuhan ini adalah benar, justeru tidak wujud sebarang bentuk paksaan kepada mana-mana agama lain untuk mengakui kebenaran agama yang dianuti seseorang; dan keempat, golongan ini berpegang kepada konsep '*transcendent of unity*' (Ma'ruf 2005: 43-44).

Antara pemikir Islam yang membahaskan elemen pluralisme dalam perbahasan 'Etika Global' dari sisi positif ialah Hassan bin Talal dan Mahmoud Zakzouk. Talal (1995: 177) dalam karya Küng, '*Yes to a Global Ethic*,' secara jelas menyatakan sokongan padu terhadap usaha Küng ini. Secara keseluruhannya, Talal berpendapat bahawa gagasan 'Etika Global' merupakan satu alternatif yang sangat diperlukan oleh dunia hari ini khususnya dalam berhadapan dengan cabaran berbentuk nilai kemanusiaan. Umat Islam seringkali membiarkan diri mereka diikat dengan tradisi lama sehingga setiap kali wujud pendekatan baru yang dilihat agak berlawanan dengan tradisi terus diklasifikasikan sebagai sesat dan salah. Hakikatnya, cabaran dunia hari ini memerlukan satu anjakan baru dalam pemikiran manusia selaras dengan tuntutan zaman.

Talal (1995: 179-180) turut menegaskan bahawa semua makhluk adalah saling memerlukan di antara satu sama lain. 'Deklarasi ke Arah Etika Global' dilihat sebagai suatu usaha yang murni dalam membaik pulih hubungan di antara agama-agama dunia. Selain itu, setiap agama juga berupaya mengenal pasti asas-asas umum kemanusiaan yang terdapat dalam kebanyakan agama dunia mahupun tradisi etika. 'Etika Global' bukanlah bertujuan untuk membebankan mana-mana agama ataupun menghapuskan perbezaan-perbezaan yang wujud dalam agama, sebaliknya 'Etika Global' adalah satu usaha untuk mencapai kesatuan.

Menerusi penulisan Talal (2005: xviii & 1) yang berjudul, ‘*Islam and Global Dialog: Religious Pluralism and the Pursuit of Peace*,’ beliau berpendapat dialog antara agama merupakan jalan yang terbaik dalam mewujudkan hubungan harmoni di antara agama. Sikap ekstrem di kalangan penganut agama Islam sebenarnya adalah bertentangan dengan dasar ajaran Islam. Oleh yang demikian, Talal menyangkal pandangan sesetengah penganut Islam yang menolak pengharmonian nilai sekular barat dengan tradisi ilmu. Hal ini disebabkan, Talal melihat bahawa sudah sampai masanya seluruh masyarakat dunia sama ada beragama Islam ataupun selainnya untuk saling berbincang dan bekerjasama menerusi gerakan intelektual dan ekumenikal dunia. Selain itu, Talal turut menjelaskan bahawa fahaman pluralisme ini adalah merujuk bahawa tidak ada agama yang boleh mendakwa bahawa ia memonopoli kebenaran.

Selain Talal, Mahmoud Zakzouk turut menekankan konsep ‘*Transcendent of Unity*’ ini dalam mengemukakan respons beliau terhadap perbahasan ‘Etika Global.’ Beliau menerusi karya Küng, ‘*Yes to a Global Ethic*’ menyatakan sokongan padu beliau terhadap usaha ini. Menurut Zakzouk, pada hari ini, ramai individu dan komuniti masyarakat telah mempunyai kesedaran bahawa kesempurnaan moral hanya akan dapat diperoleh sekiranya setiap anggota masyarakat tidak lagi dipandu oleh kepentingan material tetapi *transcendent*. Beliau turut menegaskan bahawa setiap kejadian manusia adalah berasal daripada yang satu. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Nisa’, ayat 1:

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam).”

Walau bagaimanapun, Zakzouk (1995: 191-192) sama sekali tidak menafikan kewujudan kepelbagai dan keragaman pelbagai perkara di dunia ini. Hal ini termasuklah kepelbagai agama dan bangsa. Perbezaan ini perlulah difahami dan dihormati demi pembangunan manusia seluruhnya. Selain itu, beliau berpendapat, oleh kerana setiap manusia adalah berasal dari asal yang sama, maka sekiranya seseorang menyakiti yang lain, maka ia seumpama menyakiti diri sendiri. Oleh yang demikian, Zakzouk menegaskan bahawa seorang Muslim yang sebenar adalah mereka sentiasa berharap yang terbaik untuk saudaranya sebagaimana dia mengharapkan perkara terbaik itu berlaku ke atas dirinya.

Secara keseluruhannya, berdasarkan respons penerimaan secara mutlak oleh Talal dan Zakzouk,

hujah-hujah mereka ternyata bersandarkan kepada konsep *transcendent* yang menunjukkan bahawa kepelbagaian dalam agama hanyalah suatu mekanisme untuk menuju kepada kesatuan. Para pemikir ini menyokong usaha Küng sebagaimana yang dinyatakan oleh Küng dalam karya beliau, ‘*Yes to a Global Ethic*’.

#### RESPONS PENERIMAAN SECARA BERSYARAT (INKLUSIVISME DALAM AGAMA)

Golongan inklusivis adalah merujuk kepada golongan yang masih berpegang teguh kepada agama Islam, namun mereka menjauhkan diri dari sifat ekstrem dan rigid dalam agama. Dalam memahami apakah yang dimaksudkan dengan inklusivisme agama, terdapat tiga kriteria yang spesifik berkaitannya sebagaimana yang dinyatakan oleh Fatimah Husein menerusi tulisan beliau, ‘*Muslim – Christian Relations in the New Order Indonesia: The Exclusivist and Inclusivist Muslim’s Perspectives*’ iaitu:

Pertama, golongan Muslim inklusif ini adalah mereka yang menerima Islam sebagai agama yang berevolusi dan memahami al-Quran dan al-Sunnah mengikut konteks semasa. Perkara ini menunjukkan bahawa mereka secara jelas menjadikan *ijtihad* sebagai asas pemikiran mereka; kedua, golongan ini bukanlah golongan pluralis yang menganggap bahawa semua agama adalah sama, sebaliknya golongan inklusivis ini tetap berpegang bahawa agama Islam sebagai agama yang terbaik. Walau bagaimanapun, mereka percaya bahawa penyelamatan tetap berkemungkinan wujud di luar Islam. Atas sebab itu, golongan inklusivis ini bersikap lebih bertoleransi terhadap agama-agama lain; dan ketiga, golongan inklusivis menolak usaha untuk melaksanakan syariah sebagai perundangan negara. Sebaliknya, golongan ini beranggapan hak sesama manusia sama ada Islam atau bukan Islam adalah sama rata. Golongan ini juga beranggapan bahawa syariah bukanlah satu set undang-undang tetapi ia hanyalah garis panduan moral (Fatimah Husein 2005: 31).

Berdasarkan penjelasan kriteria-kriteria Muslim inklusif di atas, antara tokoh yang banyak membahaskan berkenaan isu ini secara khusus dengan perbahasan ‘Etika Global’ ialah Muhammad al-Ghazali, Muhammad Talbi dan Chandra Muzaffar. Kedua-dua pemikir Islam yang terakhir itu berbahas dalam kerangka hak asasi manusia, di samping membuktikan bahawa intipati gagasan ‘Etika Global,’ iaitu toleransi dan penghormatan sesama manusia adalah selaras dengan ajaran Islam.

Muhammad al-Ghazali adalah merupakan seorang pensyarah Universiti al-Azhar, Mesir. Menerusi responsnya terhadap 'Etika Global,' beliau berpendapat bahawa usaha yang dilakukan oleh organisasi antarabangsa menerusi 'Etika Global' dalam mempromosikan etika tertinggi, demi kepentingan manusia adalah suatu yang wajar. Menurut beliau, Rasulullah SAW telah diutuskan untuk menyempurnakan akhlak sekalian makhluk dan Baginda SAW menggesa agar setiap umat Islam sentiasa memelihara hubungan baik sesama manusia meskipun mereka pernah menyakiti dirinya (Muhammad Al-Ghazali 1995: 182).

Beliau mengakui bahawa perbincangan di kalangan golongan yang berpegang kepada kepercayaan agama dengan golongan yang tidak percaya kepada agama (*atheist*) adalah suatu usaha yang amat sukar. Perkara ini mungkin menjadi isu dalam menggerakkan 'Etika Global,' namun ia bukanlah suatu yang mustahil. Muhammad al-Ghazali (1995: 183) menyarankan agar satu polisi khas dibina untuk mengharmonikan prinsip umat beragama dengan hak-hak golongan yang tidak beragama dan saranan ini adalah sangat menepati usaha 'Etika Global.' Dalam pada itu, Islam juga mendapat manfaat kerana berupaya membetulkan pandangan dan ajaran atas Islam kepada masyarakat global menerusi pendekatan dialog antara agama. Ia bukan sahaja kemungkinan berupaya mengemukakan ajaran sebenar Islam yang penuh kasih sayang dan penghormatan terhadap agama-agama lain, bahkan ia berupaya mempromosikan agama Islam di peringkat global.

Selain Muhammad al-Ghazali, Muhammad Talbi (1995: 194-195) pula berpendapat bahawa realiti yang tidak boleh disangkal pada hari ini adalah semua agama telah kehilangan kuasa untuk memonopoli etika. Ekoran daripada era moden ini, agama dilihat tidak lagi berupaya menangkis fahaman sekularisasi yang melanda dunia. Dunia pada hari ini kelihatan musnah sedikit demi sedikit dan agama dilihat seolah-olah tidak lagi berperanan. Persoalan mengenai fungsi agama terhadap kehidupan manusia mula diketepikan apabila agama dilabelkan dengan sifat negatif seperti tidak bertoleransi, dan rigid.

Oleh yang demikian, Talbi (1995: 196) berpendapat bahawa deklarasi yang dianjurkan oleh Parlimen Agama-agama Dunia 1993 merupakan satu langkah yang bijak dalam mewakili setiap agama dan kepercayaan. Beliau juga berpendapat bahawa penglibatan kebanyakan agama dan kepercayaan dalam mengukuhkan gagasan 'Etika Global' secara tidak langsung membuktikan bahawa wujudnya harapan yang sangat besar di kalangan mereka untuk

mewujudkan penghormatan terhadap setiap agama dan seterusnya keamanan dunia.

Walau bagaimanapun, Talbi (1995: 197-178) tetap mengakui bahawa usaha Küng ini mempunyai cabarannya yang tersendiri. Hal ini disebabkan wujudnya perbezaan konsep yang ketara di kalangan penganut agama seperti konsep 'ketuhanan' dan bagaimana penerimaan golongan yang hanya berpegang kepada kepercayaan seperti *atheist* terhadap konsep 'ketuhanan'? Ekoran daripada itu, tidak wujud perbahasan berbentuk dogmatik dalam deklarasi ini. Talbi dalam hal ini berpendapat bahawa ketiadaan perbahasan mengenai konsep 'Ketuhanan' adalah suatu perkara yang tidak dijangka. Hakikatnya, masyarakat hari ini sedang mengharapkan pelaksanaan etika yang berbentuk universal. Berdasarkan perubahan dunia dan pengaruh sains, pelbagai usaha dilakukan untuk membangunkan bidang sains. Hal ini sewajarnya berlaku juga terhadap etika kerana ia merupakan elemen yang boleh dianggap sebagai relevan untuk membentulkan salah faham dan seterusnya mewujudkan keamanan sejagat.

Tambahan pula, dengan meletakkan asas etika dalam usaha memperbaiki hubungan manusia, ia sudah pasti diterima sama ada di kalangan penganut agama maupun yang tidak beragama. Berdasarkan perbahasan Talbi ini, pengkaji menyimpulkan bahawa beliau sebenarnya cuba untuk menjelaskan bahawa 'Etika Global' dipenuhi elemen kemanusiaan. 'Etika Global' bukanlah satu ideologi yang bertujuan untuk menghapuskan agama atau menjadikan agama tidak berperanan, sebaliknya pemisahan terhadap elemen yang berkaitan dengan doktrin agama ini bertujuan mewujudkan kefahaman dan hubungan baik di antara agama-agama dunia dengan menerapkan nilai kemanusiaan. Tambahan pula, hubungan erat dan baik di kalangan penganut berbeza agama ini akan membawa implikasi baik kepada dunia sejagat khususnya untuk tempoh jangka panjang.

Seorang lagi pemikir Islam yang cenderung kepada pandangan berbentuk inklusif adalah Chandra Muzaffar. Secara umumnya, perbahasan 'Etika Global' beliau menjurus kepada isu pergeseran hak asasi manusia yang menurutnya berpunca daripada kerosakan dalam sistem pentadbiran politik dan ekonomi global. Muzaffar (2005: 22-23) dalam karya beliau yang berjudul, '*Global Ethic or Global Hegemony?: Reflections on Religion, Human Dignity and Civilisational Interaction*', berpendapat bahawa cabaran utama yang menggagalkan usaha 'Etika Global' adalah wujudnya kuasa elit yang mendominasi dunia, mencalar nilai-nilai kemanusiaan dan hak asasi manusia. Umum mengetahui bahawa kuasa elit ini

sebagai *hyperpower* dan merujuk kepada pentadbiran Amerika Syarikat dan Israel. Menurut Muzaffar (2005: 4), kuasa elit ini dilihat telah berusaha gigih dalam menjayakan rancangan hegemoni mereka terhadap negara-negara dunia. Sebagai contoh, dalam bidang teknologi, mereka telah berjaya menguasai hampir keseluruhan lapangan kehidupan manusia seperti politik, ekonomi, perbankan, budaya, sains dan teknologi serta sukan dan hiburan.

Selain itu, pelaksanaan dasar kolonialisme ke atas negara-negara Islam meskipun tidak menggunakan istilah imperialisme dilihat telah mencabuli hak asasi masyarakat Islam. Realitinya, banyak negara Islam yang diiktiraf sebagai kaya dengan sumber minyak seperti Iraq dan Libya dan perkara inilah yang sebenarnya menjadi misi pihak barat (Muzaffar 2005: 86).

Dalam hal ini, Muzaffar (2005: 41) telah mengkritik tiga institusi yang menurutnya berperanan besar mengukuhkan kuasa hegemoni barat ini iaitu pertama, institusi-institusi politik dan ekonomi dunia seperti Majlis Keselamatan (*Security Council*) dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nation*); kedua, kekuatan ketenteraan Barat; dan ketiga, peranan media arus perdana antarabangsa yang kesemuanya tidak bersifat berkecuali tetapi terikat dengan kuasa Amerika Syarikat dan Israel.

Dalam pada itu, beliau turut mengkritik sikap negatif masyarakat beragama yang menurut beliau lebih sanggup mengambil sikap berpeluk tubuh ketika berhadapan dengan dasar imperialisme baru barat ini. Lebih parah lagi, terdapat badan agama yang membantu usaha barat ini dari sudut kewangan seperti Badan Hak Asasi Kristian di Amerika Syarikat dan kelompok Zionis. Selain itu, terdapat ahli agama yang menambahkan lagi kekeruhan apabila seringkali mengambil keputusan untuk bertindak ganas sebagaimana golongan militan Islam yang akhirnya memberi kesan buruk kepada gambaran ajaran Islam yang sebenar (Muzaffar 2005: 41-44).

Keempat-empat aspek kritikan Muzaffar ini dilihat sebagai faktor asas yang membantu pihak Amerika Syarikat dalam mengukuhkan kuasa. Hal ini adalah disebabkan ramai pihak sama ada yang beragama atau tidak beragama dilihat tidak berani berhadapan dengan kuasa ini rentetan daripada ketakutan terhadap implikasi buruk yang mungkin perlu mereka hadapi. Tambahan pula, sikap hegemoni yang sememangnya mengancam mana-mana pihak yang menentang mereka dengan serangan dan pembunuhan menyebabkan ramai pihak mengambil sikap berdiam diri. Oleh yang demikian, Muzaffar menggesa agar kerjasama di antara agama dan budaya

perlu dilakukan dalam usaha mewujudkan perdamaian global. Kerjasama ini perlulah bersandarkan beberapa elemen penting iaitu, pertama, nilai spiritual dan moral, kedua, kesedaran dan kesediaan masyarakat terhadap keperluan untuk bekerjasama dan ketiga, strategi untuk mengukuhkan kekuatan dalam berhadapan dengan hegemoni barat.

Selain itu, kerjasama ini juga mestilah merangkumi usaha memperkasakan kempen-kempen ke arah keamanan yang mengandungi ruh ‘*The Golden Rule*’ iaitu penghormatan dan toleransi antara agama. Beliau juga berpendapat, dalam berhadapan dengan hegemoni barat yang sememangnya mempunyai kekuatan ketenteraan yang ampuh, masyarakat dunia tidak perlu menggunakan pendekatan agresif yang sama. Beliau menyifatkan perbuatan menentang secara ganas terhadap hegemoni barat sebagai satu tindakan yang bodoh, sebaliknya setiap masyarakat perlulah menyatakan kesediaan untuk saling bekerjasama secara lebih terancang dan bijaksana dalam mewujudkan keamanan global (Muzaffar 2005: 159-160).

Saranan berkenaan kerjasama dan kempen kesedaran ini giat diusahakan oleh Muzaffar menerusi Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN) dan International Movement for a Just World (JUST). Kedua-dua pertubuhan ini boleh disifatkan sebagai satu mekanisme buat Muzaffar dalam mengembangkan ruh kemanusiaan yang terdapat dalam ‘Etika Global.’ Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN) telah diasaskan pada tahun 1977 di Pulau Pinang oleh Muzaffar. Beliau juga telah melibatkan diri secara aktif dalam ALIRAN sehingga tahun 1991. Berdasarkan penelitian pengkaji, ALIRAN bukan sahaja menjadi medium kepada Muzaffar untuk memperjuangkan keadilan, kebebasan dan perpaduan, bahkan ia turut berperanan meniupkan semangat reformasi dan kesedaran terhadap seluruh masyarakat Malaysia khususnya menerusi penerbitan akhbar ALIRAN Monthly. Walau bagaimanapun, fokus ALIRAN lebih kepada perbincangan mengenai masalah-masalah hak asasi di peringkat tempatan. Pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh Muzaffar menerusi ALIRAN seperti menentang gerakan Internal Security Act (ISA) dengan kerjasama Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), penentangan terhadap pemilikan sumber air, dan tuntutan terhadap penggubalan semula gaji minimum para pekerja ([http://www.aliran.com/oldsite/aliranbm.html\[14Jun2011\]](http://www.aliran.com/oldsite/aliranbm.html[14Jun2011])).

Sementara itu, menerusi International Movement for a Just World (JUST) pula, mekanisme yang hampir sama sebagaimana ALIRAN turut digunakan. Walau bagaimanapun, pendekatan JUST adalah lebih meluas

dan merangkumi isu-isu hak asasi di peringkat antarabangsa. Menerusi JUST, Muzaffar dan ahli pertubuhan ini dilihat cenderung menggunakan pendekatan dialog, kempen dan perjanjian khususnya dalam mencapai kesepakatan berkenaan isu keadilan. Bersesuaian dengan matlamat pertubuhan ini, iaitu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran global terhadap ketidakadilan yang wujud dalam kebanyakan sistem. Misi utama pertubuhan ini adalah untuk mengukuhkan asas spiritual dan intelektual ke arah dunia yang adil ([http://www.just-international.org/\[14Jun2011\]](http://www.just-international.org/[14Jun2011])).

Berdasarkan penelitian menerusi laman rasmi JUST, pertubuhan ini boleh disifatkan masih bergerak secara aktif. Objektif JUST ini jelas menunjukkan bahawa wujud intipati 'Etika Global' dalamnya. Hal ini sekaligus membuktikan bahawa Muzaffar bukan sahaja membahaskan perbahasan ini secara teoritikal tetapi beliau turut menggerakkan idea 'Etika Global' ini menerusi pertubuhan-pertubuhan yang mendukung aspirasi hak asasi manusia yang dianggotainya. Meskipun wujud cabaran lain dalam usaha Muzaffar ini, namun usaha ini sekurang-kurangnya boleh disifatkan sebagai inisiatif yang sangat murni. ([http://www.just-international.org/\[14Jun2011\]](http://www.just-international.org/[14Jun2011])).

Berdasarkan keseluruhan respons pemikir Islam yang cenderung kepada inklusivisme dalam agama ini, maka hujah-hujah penerimaan bersyarat ini adalah secara jelas berkisar tentang isu perjuangan hak asasi manusia. Penilaian dalam kerangka hak asasi manusia ini sekaligus menyebabkan para pemikir Islam seperti Muhammad al-Ghazali, Muhammad Talbi dan Chandra Muzaffar menolak berbahas mengenainya secara doktrinal. Perkara ini selaras dengan maksud Küng bahawa 'Etika Global' adalah alternatif untuk meleraikan konflik dalam perjuangan hak asasi manusia. Meskipun begitu, perbahasan Muhammad al-Ghazali dan Muhammad Talbi lebih menjurus kepada usaha memperbetulkan salah faham di kalangan masyarakat dunia terhadap agama Islam khususnya selepas peristiwa 11 September 2001. Selain itu, kedua-dua pemikir Islam ini sepakat bahawa satu polisi khas perlu dibentuk bagi meleraikan konflik absolutisme dan dogmatik dalam ajaran agama, justeru penggunaan terma etika dilihat sangat relevan dan bersifat tidak bias pada mananya pihak secara khusus. Sementara itu, Chandra Muzaffar pula lebih banyak mengkritik kuasa barat, iaitu Amerika Syarikat dan Israel yang menurutnya telah menyalahgunakan kuasa untuk mendominasi seluruh dunia. Implikasinya, atas dasar kepentingan peribadi dan keuntungan material, mereka dilihat bertindak menindas negara-negara yang lemah secara

kejam dan zalim. Oleh yang demikian, Muzaffar berpendirian bahawa memperkasakan inti pati toleransi dan penghormatan ini berupaya meleraikan konflik di kalangan masyarakat dunia.

## KESIMPULAN

Berdasarkan penulisan ini, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga bentuk respons pemikir Islam terhadap 'Etika Global,' iaitu:

1. Penolakan Secara Mutlak (Eksklusivisme Agama):

Hujah-hujah pemikir Islam ini adalah pertama, 'Etika Global' adalah sama seperti Pluralisme Agama, justeru ia mengancam autoriti dan kesucian Islam; kedua, 'Etika Global' dirangka oleh orang Barat dan mengandungi tradisi Kristian. Oleh yang demikian, ia seolah-olah suatu bentuk dominasi ke atas agama-agama lain.

2. Penerimaan Secara Mutlak (Pluralisme Agama):

Hujah-hujah respons penerimaan secara mutlak oleh pemikir Islam ialah setiap agama mempunyai nilai-nilai yang sama, matlamat yang sama dan sumber yang sama. Selain itu, setiap manusia mestilah berpegang kepada prinsip *transcendent of unity* agar wujud hak kesamarataan pada setiap individu dan masyarakat. Justeru, 'Etika Global' disifatkan sebagai pendekatan yang ampuh dalam menangani krisis keragaman yang melibatkan agama dan budaya di peringkat global.

3. Penerimaan Secara Bersyarat (Inklusivisme Agama):

Hujah-hujah penerimaan mereka adalah berpaksikan kepada matlamat memelihara hak asasi manusia dalam perspektif agama khususnya di kalangan agama Islam yang sekian lama dicabuli disebabkan penyalahgunaan kuasa politik dan ekonomi global.

Berdasarkan ketiga-tiga bentuk respons ini, respons penerimaan secara bersyarat adalah pendapat yang sederhana dan berhati-hati. Tambahan pula, jika dilihat kepada keperluannya kepada dunia Islam, di samping ia memfokuskan perbahasan hak asasi manusia, maka ia sama sekali tidak bertentangan dengan ruh perpaduan dan keamanan Islam.

Secara keseluruhannya, kepelbagai bentuk respons para pemikir Islam terhadap gagasan 'Etika

Global' ini adalah suatu yang semula jadi dalam arena epistemologi Islam. Kajian terhadap 'Etika Global' dari perspektif Islam ini adalah sangat penting khususnya ketika Islam yang sedang mendepani krisis hak asasi yang kronik di peringkat global. Selain itu, kajian ini juga penting kepada umat Islam sebagai suatu alternatif penilaian terhadap suatu gagasan baru yang dipelopori barat agar kita tidak menjadi masyarakat yang terlalu naif dalam menerima dan tidak pula terlalu rigid dalam menolaknya. Walau bagaimanapun, umat Islam tidak seharusnya terus berpeluk tubuh daripada mencari kaedah penyelesaian Islam yang tersendiri kerana Islam sememangnya mengandungi kod etika yang bersifat universal. Perkara ini dapat dilihat menerusi Piagam Madinah yang telah diperkenalkan oleh Rasulullah SAW dalam usaha mewujudkan perpaduan masyarakat yang multi-agama dan multi-budaya. Ia turut disepadukan dengan usaha dan gerak kerja yang sistematik dan komprehensif. Kelemahan umat Islam hari ini adalah disebabkan tidak wujud kesedaran untuk bertindak, bahkan umat Islam lebih rela tunduk kepada sebarang perkara yang dipelopori barat. Justeru, meskipun gagasan 'Etika Global' ini boleh dimanfaatkan demi memperjuangkan hak asasi masyarakat Islam di peringkat global, umat Islam juga perlu bertindak secara terancang dan sistematik dalam melaksanakan etika Islam.

#### RUJUKAN

- Adian Husaini. 2004. *Tinjauan Historis Konflik Yahudi Kristen Islam*. Jakarta: Gema Insani.
- Ahmad Sunawari Long. 2006. *Sejarah Falsafah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chandra Muzaffar. 2005. *Global Ethic or Global Hegemony?: Reflections on Religion, Human Dignity, and Civilisational Interaction*. London: Asean Academic Press.
- Duran, K. 1998. Leonard Swidler's draft of a global ethic: a Muslim perspective. Dlm. *For All Life: Toward a Universal Declaration of a Global Ethic (An Interreligious Dialogue)*, disunting oleh Swidler, L. Ashland: White Cloud Press.
- Fatimah Husein. 2005. *Muslim–Christian relations in the New Order Indonesia*. Bandung: Mizan Pustaka.
- Hassan Talal. 1995. Towards a new way of thinking. Dlm. *Yes to a Global Ethic*, disunting oleh Küng, H., 177-178. Jerman: R Piper GmbH & Co KG Munich.
- \_\_\_\_\_. 2005. Foreword by HRH Prince Hassan bin Talal. Dlm. *Islam and Global Dialogue: Religious Pluralism and the Pursuit of Peace*, disunting oleh Boase, R., xv-xvi. England: Ashgate Publishing Limited.
- Hick, J. 1997. Towards a universal declaration of a global ethic a Christian comment. <http://www.globalethic.org/center/hivk/htm> [Decemder 1997].
- Kamus Dewan. 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Klean, E. 1966. *A Comprehensive Etimological Dictionary*. Volume I A-K. Amsterdam: Elsevier Publishing Company.
- Küng, H. 1995. *Yes to a Global Ethic*. Jerman: R Piper GmbH & Co KG Munich.
- \_\_\_\_\_. 1997. *A Global Ethic for Global Politics and Economics*. German: Piper Verlag GmbH Munich.
- Ma'ruf. 2005. Respon Islam terhadap pluralisme dan toleransi. Dlm. *Islam & Peradaban Global*, disunting oleh Ibrahim, M.S. & Nur Hamzah. Pontianak: STAIN Pontianak PRESS.
- Mahmoud Zakzouk. 1995. On Human Unity and Equality. Dlm. *Yes to a Global Ethic*, disunting oleh Küng, H., 191-193. Jerman: R Piper GmbH & Co KG Munich.
- Muhammad Al-Ghazālī. 1995. Striving for a higher ethic. Dlm. *Yes to a Global Ethic*, Küng, H., 181-184. Jerman: R Piper GmbH & Co KG Munich.
- Muhammad Talbi. 1995. A charter of duties and tasks for all human. Dlm. *Yes to a Global Ethic*, disunting oleh Küng, H., 194-198. Jerman: R Piper GmbH & Co KG Munich.
- Riffat Hassan. 1997. A Muslim's reflections on a new global ethics and cultural diversity. *The power of culture, conference report*: 36-54. [http://www.powerofculture.nl/ik/archieve/Amsterdam/ukverslag\\_hassan.html](http://www.powerofculture.nl/ik/archieve/Amsterdam/ukverslag_hassan.html) [14September 2011].
- Biography Dr. Riffat Hassan. <http://drparorrey.com/biography> [14 September 2011].  
[http://adianhusaini.com/index.php?option=com\\_content&view=article&id=49&Itemid=55](http://adianhusaini.com/index.php?option=com_content&view=article&id=49&Itemid=55) [14September2011].  
<http://www.aliran.com/oldsite/aliranbm.html> [14Jun 2011].  
<http://www.just-international.org/> [14Jun2011].  
<http://drparorrey.com/biography> [14 September 2011].
- Najihah Ahmad, Ph.D  
 Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Ph.D  
 Jabatan Usuluddin dan Falsafah  
 Fakulti Pengajian Islam  
 Universiti Kebangsaan Malaysia